

Headline	Dua beradik masuk tahfiz seawal 7 tahun mahu jadi ustaz		
MediaTitle	Kosmo		
Date	03 Jun 2017	Color	Full Color
Section	Negara	Circulation	197,202
Page No	16	Readership	875,000
Language	Malay	ArticleSize	238 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 6,176
Frequency	Daily	PR Value	RM 18,528



Dua beradik masuk tahfiz seawal 7 tahun mahu jadi ustaz

KOTA KINABALU - Satu pasangan adik-beradik memilih untuk menetap di madrasah seawal usia tujuh tahun untuk mendalami ilmu agama demi mengejar cita-cita bergelar ustaz.

Lokman Al-Hakim Abdul Rahman, 14, dan Muhd. Saiful Zaman, 12, penuntut Madrasah Wakaf Islamiah Sabah tidak pernah berasa menyesal dengan pilihan tersebut.

Lokman Al-Hakim yang terlebih dulu memulakan pengajian di madrasah itu kira-kira tujuh tahun lalu berkata, ibu bapa menyambut baik hasrat

mereka dan tidak menghalang niat suci itu.

“Saya tertarik dengan ilmu agama dan berazam bergelar hafiz sejak kecil. Impian saya ingin menjadi pendakwah ataupun guru yang pakar dalam ilmu agama Islam.

“Apabila saya dihantar ke madrasah, saya rasa lebih bahagia. Jika diberi umur yang panjang saya pasti mampu mencapai cita-cita ini,” katanya ketika ditemui selepas menerima sumbangan Hari Raya daripada Lembaga Pe-

masaran Pertanian Persekutuan (FAMA) negeri di tapak bazar Asia City di sini baru-baru ini.

Sumbangan itu disampaikan oleh **Timbalan Ketua Menteri merangkap Menteri Pertanian, Datuk Seri Yahya Husin.**

Anak jati Keningau itu memberitahu, dia turut berbangga apabila adik bongsunya mengikut jejak langkah berjihad mendalami ilmu agama.

Biarpun menuntut di madrasah yang sama, namun, Lokman Al-Hakim

ditempatkan di cawangan daerah Kota Belud manakala adiknya di Tanjung Aru di sini.

Sementara itu, Muhd. Saiful Zaman berkata, dia sering menanti program rasmi madrasah kerana menerusi aktiviti seumpama itu dia berpeluang bertemu abangnya.



MUHD. SAIFUL



LOKMAN



YAHYA (belakang empat dari kanan) bergambar bersama sebahagian anak-anak yatim Madrasah Wakaf Islamiah Sabah di Kota Kinabalu baru-baru ini.